

## Penggunaan Tenaga Haiwan sebagai Medium Pengangkutan dalam Masyarakat Melayu Tradisional

### The Use of Domesticated Animals as A Medium of Transportation in Traditional Malay Society

NURUL IZZATI MD. MUSTAFA, ADNAN JUSOH, KHAIRI ARRIFIN, NABIR ABDULLAH & MOHD. KAMAL KAMARUDDIN

#### *ABSTRAK*

*Tanah Melayu diliputi oleh satu ruang geografi yang istimewa lantaran mempunyai satu ketamadunan yang tinggi. Sejarah membuktikan ketamadunan tinggi yang dilakarkan oleh masyarakat Melayu ini amat berkait rapat dengan fenomena alam yang menjadi salah satu medium pencetus kepada kepelbagaiannya dan budaya di Tanah Melayu. Selain daripada unsur semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan (seperti kayu kayan, akar dan rempah ratus), haiwan turut menjadi penyumbang utama kepada kepentingan di Tanah Melayu. Antara haiwan yang kerap diperihalkan berperanan penting kepada masyarakat di Tanah Melayu adalah gajah, kerbau dan kuda. Kajian sejarah juga telah membuktikan ketiga-tiga haiwan yang disebut ini menjadi penyumbang besar terhadap medium pengangkutan masyarakat Melayu silam. Makalah ini bertujuan untuk mengetengahkan bagaimana ketiga-tiga haiwan yang dinyatakan ini memainkan peranan bagi melestarikan keperluan masyarakat silam dalam medium pengangkutan. Gajah merupakan antara haiwan yang penting semasa ketiadaan kemudahan infrastruktur seperti jalan keretapi dan jalan raya. Kerbau pula sangat dominan sebagai haiwan yang mudah di gembala sebagai haiwan yang berperanan besar dalam bidang pertanian. Manakala kuda pula sangat besar peranannya terhadap golongan bangsawan samada dengan tujuan untuk pemilikan peribadi, pererangan mahupun kesukamanan. Artikel ini menelusuri menerusi kaedah kualitatif dengan mengambil kira sumber-sumber dari medium kepustakaan seperti manuskrip atau naskhah-naskhah Melayu, catatan barat dan yang seumpama dengannya. Oleh itu, menerusi perbincangan dalam makalah akan cuba dibuktikan dinamik dan perubahan terhadap penggunaan haiwan sebagai medium pengangkutan yang dinyatakan dalam masyarakat Melayu. Makalah ini juga diharapkan dapat memberi lebih fahaman serta menjadi batu loncatan terhadap pengkaji seterusnya bagi melihat penggunaan tenaga haiwan dari sudut pandang yang berbeza dengan lebih terperinci.*

*Kata kunci:* *Haiwan; pengangkutan; peranan; masyarakat Melayu*

#### *ABSTRACT*

*Geographical factor made of Malaya to have the great value of civilization. Historical studies proved that the great civilization was closely related to the natural phenomena that creates various cultures and significant identity of Malaya. Besides the natural elements like plants and vegetation (wood plant, roots and spices), animals also became one of the main contributors to Malaya such as elephant, buffaloes and also horses. Research proved that these three animals were important as main transportation during the old times for Malay people. The purpose of this paper is to highlight the importance of these animals to fulfill the people needs during the old times especially in the transportation sector. The elephant was important when the railway and highway still not exist. The buffalo were dominant in agriculture sector, while the horses were very important especially for aristocrats. They used it as either for private ownership, for war purpose and also sports. This article was written based on qualitative method by taking all the sources from various literatures such as Malay manuscript, western manuscript and others. Therefore, in this article, the dynamic and the change that happened on the use of animals as transportation will be discussed and to be proved on being told by Malay people. Hopefully, this article can increase the understanding for the future researcher and the usage of animals as transportation will be discussed in different point of view.*

*Keywords:* *Animals; transportation; function; Malay society*

#### PENGENALAN

Masyarakat Melayu merupakan satu bangsa yang telah mengalami ketamadunan yang cukup tinggi. Dalam ketinggian ketamadunan yang dilalui tersebut telah memperlihatkan beberapa fasa perjalanan yang

cukup panjang seterusnya melakarkan beberapa episod sejarah yang unik dan menarik. Sepanjang penelitian terhadap latar kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman, mereka telah melewati beberapa episod kehidupan yang berbeza daripada setiap zaman tersebut. Sepanjang fasa

yang dilalui oleh masyarakat Melayu sebenarnya telah mendekatkan mereka dengan alam sekitar, lalu membolehkan terbentuknya satu hubungan baru antara masyarakat Melayu dengan unsur semula jadi membabitkan tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Sejarah telah membuktikan masyarakat Melayu silam sering bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang berlainan dan kebiasaan pergerakan mereka dengan berjalan kaki atau menggunakan khidmat haiwan. Ketika zaman silam pergerakan masyarakat Melayu adalah bebas dari satu lokasi ke lokasi yang lain dan migrasi merupakan sesuatu yang lumrah. Lantaran itu, melalui pergerakan yang dicetuskan ini telah memunculkan beberapa contoh laluan penarikan yang agak dikenali terutamanya di utara Tanah Melayu seperti laluan Anak Bukit ke Sadao, Laluan sempadan Padang Terap, dan laluan melalui Baling (Mohd. Kasri Saidon 2010) serta laluan antara sempadan Perak dengan Kelantan. Kesinambungan daripada pergerakan masyarakat Melayu silam ini telah membolehkan mereka sangat mahir dengan unsur semula jadi sama ada yang melibatkan tumbuh-tumbuhan mahupun haiwan. Dalam pembentukan hubungan antara masyarakat Melayu silam dengan haiwan ini, masyarakat Melayu silam telah menjadikan haiwan sebagai satu elemen yang sangat penting dalam membantu untuk kelangsungan hidup mereka. Hal ini terbukti, apabila kerap kali penulisan yang mengaitkan tentang latar kehidupan masyarakat silam, seakan lumrah apabila menonjolkan haiwan sebagai elemen penting daripada setiap sudut kehidupan meliputi ekonomi, politik dan sosial. Terdapat pelbagai jenis haiwan yang mewarnai latar sejarah masyarakat silam yang di kira penting daripada pelbagai sudut pandang misalnya seperti gajah, kerbau, kuda, lembu, kambing, ayam dan itik. Namun begitu, fokus perbincangan melalui makalah ini akan lebih dihalakan kepada gajah, kerbau dan kuda bagi melihat bagaimana tenaga ketiga-tiga haiwan yang dinyatakan ini dalam melestarikan keperluan masyarakat Melayu tradisional terhadap medium pengangkutan.

#### SEPINTAS LALU HUBUNGAN MANUSIA DENGAN HAIWAN

Kisah hubungan yang terjalin antara masyarakat Melayu dengan haiwan berselerak dan boleh didapati dalam sumber-sumber yang kerap memerihalkan khasnya dalam manuskrip-manuskrip lama atau naskhah-naskhah Melayu. *Sejarah Melayu*

misalnya, antara sumber agung yang dilihat kerap memerihalkan episod-episod haiwan yang banyak terdapat dalam naskhah-naskhah tersebut. Dalam catatan naskhah ini bukan hanya memperlihatkan gajah, kerbau, dan kuda, malah turut menyaksikan pelbagai jenis haiwan lain, antara lainnya seperti lembu putih, pelanduk, dan biawak. Catatan daripada naskhah *Sejarah Melayu* ini antara sumber yang bertanggungjawab memperlihatkan betapa sejak sekian lama hubungan antara masyarakat Melayu dengan haiwan telah terjalin. Paling ketara dapat dilihat dalam konteks jalinan hubungan ini apabila kewujudan atau pembukaan suatu lokasi penempatan pasti akan mempunyai hubung kait dengan nama haiwan. Misalnya salah satu tempat yang dinyatakan dalam *Sejarah Melayu* iaitu Biawak Busuk diperoleh kerana Sultan Iskandar Shah yang telah bergerak menuju ke Muar dan melalui kawasan tersebut yang terdapat beratus-ratus biawak mati sehingga mengeluarkan bau busuk. Ekoran daripada peristiwa tersebut ilham diperoleh untuk menamakan kawasan tersebut sebagai Biawak Busuk.<sup>1</sup> Begitu juga keadaannya dalam situasi pembukaan kota Melaka yang kerap dizahirkan pembukaannya dengan isu anjing ditendang oleh pelanduk. Secara tidak langsung penggarapan hal secara naratif tersebut, memberi gambaran kepada pengkajian ini betapa jalinan hubungan haiwan dengan masyarakat Melayu telah wujud sejak sekian lama dan daripada pelbagai sisi yang berbeza-beza.

Menarik juga untuk disebutkan dalam perbincangan ini bahawa, haiwan bukan hanya dijadikan aspek perbincangan bagi tujuan pembukaan sesuatu kawasan baru sahaja. Malah tidak terkecuali turut disebut dalam naskhah *Misa Melayu* yang kerap mencerminkan hubungan masyarakat Melayu dari sudut pandang yang sedikit berlainan daripada biasa. Hal ini jelas apabila ada digarapkan dalam naskhah tersebut haiwan-haiwan dijadikan sebagai alat kesukunan dan persembahan untuk meraikan keluarga golongan bangsawan atau diraja, misalnya semasa upacara pertunangan Raja Budak Rasul dengan Raja Muda.<sup>2</sup> Dalam tradisi masyarakat Melayu silam mereka mempersembahkan kerbau, kambing, ayam dan itik sebagai hadiah dalam upacara pertunangan atau perkahwinan. Turut tidak terkecuali masyarakat Melayu turut mengadakan kegiatan sabung ayam bagi meraikan pertunangan anakanda Sultan Muzaffar Shah tersebut.<sup>3</sup> Begitu juga situasinya di Kelantan, apabila hubungan masyarakat dengan haiwan digambarkan melalui tradisi masyarakat mengadakan upacara sabung

ayam bagi mempertahankan keutuhan sesebuah negeri dan kedaulatan pemerintah di Kelantan ketika itu.

Satu hal lain yang turut mendukung hubungan manusia dengan haiwan terjalin dengan erat adalah jumlah haiwan yang besar serta kebolehan masyarakat Melayu untuk mendalamai ilmu tentang haiwan-haiwan berkenaan. Hubungan keduanya telah wujud sejak sekian lama, dengan pembuktian oleh catatan Ibnu Batutah yang memerihalkan antara gajah dengan masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang intim sejak abad ke-14 lagi. Berdasarkan situasi ini, dua kemungkinan yang mendorong wujudnya suasana tersebut pertamanya adalah bilangan gajah yang banyak ketika itu yang bukan hanya dimiliki oleh golongan bangsawan sahaja, malah turut menjadi haiwan milik masyarakat Melayu yang biasa. Situasi kedua didorong oleh faktor kemampuan masyarakat Melayu dalam ilmu menjinakkan gajah, sehingga wujudnya *Mantera Gajah* yang di dalamnya terdapat pelbagai ilmu terutamanya tentang cara pengendalian gajah.<sup>4</sup>

Situasi masyarakat Melayu yang masih belum didebak dengan kemudahan infrastruktur sebelum kedatangan kuasa kolonial ke Tanah Melayu, mewujudkan jalinan hubungan yang erat antara masyarakat Melayu dengan haiwan. Oleh hal yang demikian, segala bentuk urusan terutama yang memerlukan kerahan tenaga yang tinggi, ternyata khidmat haiwan menjadi tumpuan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Secara tidak langsung, kekerapan dalam penggunaan khidmat haiwan ini, telah mewujudkan hubungan yang rapat antara keduanya. Dalam konteks ini, contoh boleh dilihat kepada kerbau yang bukan hanya menjadi haiwan yang berperanan untuk memenuhi kehendak ekonomi masyarakat, malah turut terdapat catatan yang menjelaskan kerbau pernah digunakan sebagai haiwan tunggangan bagi tujuan peperangan dan pihak yang menggunakannya dikenali sebagai ‘*flying squad*’.<sup>5</sup> Setelah kemasukan kuasa kolonial, masyarakat Melayu bukan hanya mempunyai sistem pengangkutan dan komunikasi yang lebih kompleks, namun turut sama diwujudkan satu bentuk hubungan baru antara masyarakat dengan haiwan yang dibawa oleh kuasa kolonial iaitu kuda. Kemasukan kuda oleh kuasa kolonial pada awalnya, disifatkan untuk tujuan perdagangan,<sup>6</sup> namun penggunaannya kian berubah seiring berjalannya waktu dan beredarnya zaman.

## GAJAH SEBAGAI MEDIUM PENGANGKUTAN MASYARAKAT MELAYU SILAM

Bentuk hubungan yang membabitkan gajah dengan masyarakat Melayu telah melahirkan satu situasi baru yang menjadikan gajah sangat penting sebagai medium pengangkutan dalam kehidupan masyarakat. Latar masyarakat Melayu sebelum kemasukan kuasa kolonial memperlihatkan kekurangan kemudahan samada untuk ekonomi atau kehidupan sosial harian. Haiwan kerap digunakan dalam usaha untuk kelangsungan dan kebergantungan hidup. Gajah merupakan salah satu daripadanya. Sejak sekian lama, menerusi episod dalam setiap catatan naskhah-naskhah Melayu mempertontonkan gajah digunakan sebagai medium pengangkutan dalam pelbagai urusan masyarakat. Abad ke-14 misalnya, bersumberkan kepada catatan Ibnu Batutah, dijelaskan bahawa gajah digunakan sebagai medium pengangkutan yang bukan sahaja untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain, malah gajah dijadikan sebagai haiwan pengangkut barang.<sup>7</sup> Daripada catatan Ibnu Batutah ini, dapat diklasifikasikan hubungan gajah dengan masyarakat Melayu telah wujud dalam satu ruang yang cukup erat. Selain itu, perlu disebut juga, gajah ketika abad yang dinyatakan bukan hanya di miliki oleh golongan bangsawan semata-mata, malah turut menjadi haiwan mampu milik masyarakat biasa kerana kuantiti gajah yang masih belum mengalami ancaman fizikal ketika itu.<sup>8</sup>

Pelbagai bentuk tradisi masyarakat yang mempunyai perkaitan langsung dengan gajah, sepertimana yang disebut dalam catatan Ibnu Batutah, gajah disifatkan sebagai pengangkutan yang menjurus kepada kegunaan golongan bangsawan atau golongan elit. Gajah dikatakan mempunyai hubungan langsung dengan pihak raja dan pemerintah kerana menjadi haiwan pengangkutan utama raja dan pemerintah untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.<sup>9</sup> Setiap pemerintah biasanya mempunyai gajah tunggangan sendiri, seperti yang disuratkan dalam *Sejarah Melayu*, Sultan Muzaffar Shah mempunyai gajah yang diberi nama ‘*Juru Demang*’<sup>10</sup>, manakala menurut *Hikayat Seri Kelantan* gajah Long Muhammad pula diberi nama ‘*Ketitian Balai*’.<sup>11</sup> Bukti ini menunjukkan keeratan hubungan antara masyarakat Melayu dengan gajah. Tradisi masyarakat Melayu mempunyai satu adat tertentu ketika menggunakan gajah untuk pengangkutan, terutama apabila membabitkan kegunaan di istana.

Perkara sedemikian diperlihatkan dalam adat istiadat diraja Melayu, apabila gajah dijadikan haiwan pengangkutan yang penting dalam istiadat menerima dan menghantar utusan. Secara tradisinya, sebarang utusan yang diterima atau dihantar kepada kerajaan lain akan diarak dengan menggunakan gajah.<sup>12</sup> Misalnya dalam tradisi membawa surat-surat kerajaan, dicatatkan dalam *Sejarah Melayu* ketika Melaka menerima surat daripada Pasai yang mempunyai kedudukan yang setara dengan Melaka, surat diarak dengan menggunakan gajah disertakan dengan beberapa kelengkapan kebesaran yang lain.<sup>13</sup> Selain Pasai, Siam yang turut sama mengadakan hubungan luar dengan Melaka yang menyaksikan kegunaan khidmat gajah dalam urusan penghantaran watikah yang diketuai oleh Tun Telanai dengan Menteri Jana Putra diarak dan diangkut dengan menggunakan gajah.<sup>14</sup>

Selain itu, dinyatakan juga dalam naskhah *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, berkenaan penggunaan gajah oleh golongan pemerintah. Dalam naskhah ini dicatatkan ketika Sultan Zainal Rashid ke benua Siam pada tahun Hijrah 1259 pergerakan mereka menggunakan jalan darat (dengan menggunakan gajah). Turut dicatatkan melalui naskhah tersebut Sultan Ahmad Tajuddin menggunakan gajah ke Singgora semasa menghadiri upacara Raja Benua Siam yang dikenali dengan nama Prak Nang Kelau Chow Yew Huwa sekitar tahun 1855.<sup>15</sup> Kedah sebagai sebuah negeri yang sangat terkenal berkaitan hal penggunaan gajah sebagai medium pengangkutan dan kenderaan perhubungan.<sup>16</sup> Kemudiannya, perlu juga diberi perhatian terhadap catatan oleh pengembara-pengembara asing sekitar abad ke-18 yang terkenal, seperti Isabella Bird misalnya, berkaitan gajah. Kedatangan Isabella melalui beberapa negeri di Tanah Melayu, iaitu antaranya Selangor dan Perak. Dicatatkan semasa beliau di Perak (Teluk Kertang), ketibaannya telah disambut oleh gajah milik Sultan Abdullah dan dengan itu, gajah dijadikan sebagai pengangkutan selama mana beliau mengembara di negeri tersebut.<sup>17</sup> Isabella mencatatkan pengalamannya menaiki gajah melalui tulisannya dalam *The Golden Chersonese*, penggunaan gajah dijadikan sebagai medium pengangkutan utama, disebabkan Perak ketika itu masih tidak mempunyai sistem perhubungan dan pengangkutan yang baik. Gajah bukan hanya untuk kemudahan masyarakat bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain, tetapi digunakan juga untuk mengangkut barang, yang berkait dengan keperluan ekonomi masyarakat Melayu.

Hal lain yang menjadi penyebab serta turut mendukung kepentingan gajah dalam medium pengangkutan adalah kerja-kerja mengangkut bijih timah. Kekayaan sumber asli yang terdapat di Tanah Melayu khususnya tumpuan ke atas Larut menyebabkan kemasukan buruh asing yang ramai dari negara China. Susulan kemasukan mereka, menjadikan kegiatan melombong bijih timah semakin maju, seterusnya penghasilan timah yang dilebur kian meningkat. Bijih timah yang telah siap dilebur, dibawa menaiki gajah dengan cara mengendong di atas belakang gajah tersebut. Semasa pemerintah Long Jaafar, lebih jelas memperlihatkan gajah dijadikan sebagai pengangkutan rasmi bagi tujuan mengangkut bijih timah. Gajah yang digunakan untuk pengangkutan itu dinamakan sebagai Kulub Anjeh yang berulang alik dari pelabuhan Sungai Limau ke Kota Bukit Gantang.<sup>18</sup> Bukan itu sahaja, Long Jaafar iaitu orang yang bertanggungjawab menjumpai bijih timah di Larut, turut sama menggunakan gajah sebagai pasukan pertahanan, juga sebagai medium pengangkutan dalam setiap urusan sehariannya.<sup>19</sup> Keakrabban hubungan masyarakat dengan haiwan, dapat dilihat dari peristiwa seekor gajah yang diberi nama Larut menjumpai satu kawasan bijih timah baru iaitu di kawasan Kelian Baru (Kamunting).<sup>20</sup>

Ketika pemerintahan British, gajah masih dijadikan sebagai haiwan yang berperanan dalam medium pengangkutan. Hal ini jelas disebut oleh Pegawai British yang pernah bertugas di Tanah Melayu iaitu John Turbull dalam tulisannya bahawa gajah di Pulau Pinang akan dikenakan bayaran sebanyak 12 sen yang di anggap sebagai tol kerana melalui jalan Bagan Lalang yang di kawal Syarikat Hindia Timur Inggeris.<sup>21</sup> Gajah yang masih dijadikan sebagai medium pengangkutan ketika zaman British, dibuktikan semasa kedatangan John Turnbull Thompson ke Pulau Pinang pada tahun 1838, menggunakan gajah sebagai alat pengangkutan. Hal yang serupa boleh dilihat di kawasan utara Tanah Melayu yang lain seperti di Perak yang masih menggunakan khidmat gajah sekitar tahun 1915.<sup>22</sup> Penggunaan gajah ini berkemungkinan besar didorong oleh faktor bentuk muka bumi di Perak lebih-lebih lagi di bahagian utara yang bentuk geografinya berbukit bukau. Keadaan ini mendorong gajah menjadi pengangkutan yang masih diperlukan dan penting bagi kegunaan masyarakat Melayu silam. Penjelasan di atas sedikit sebanyak memberi lebih fahaman bahawa gajah dalam latar kehidupan masyarakat silam bukan hanya dijadikan sebagai kenderaan bagi

meredah hutan belukar, mengharungi paya, sungai denai dan semak samun, tetapi turut digunakan untuk membawa barang-barang dagangan di belakangnya juga ditunggangi manusia.<sup>23</sup>

#### KERBAU SEBAGAI MEDIUM PENGANGKUTAN DALAM MASYARAKAT MELAYU TRADISI

Kerbau biasanya disifatkan sebagai haiwan yang juga memainkan peranan yang tinggi sebagai tunggangan dalam medium pengangkutan. Di Tanah Melayu yang terkenal adalah kerbau sawah, yang juga terdapat di India, Ceylon, dan di Indo China.<sup>24</sup> Setiap kali berbicara tentang kerbau ini, masyarakat akan mengaitkannya dengan sawah atau bendang. Kerbau amat sinonim dengan kegiatan di sawah, oleh itu penelitian terhadap kerbau sebagai medium pengangkutan ini akan cuba diteliti bagaimana kerbau dijadikan sebagai alat pengangkutan penting dalam latar kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Kerbau merupakan haiwan pengangkutan yang sangat berperanan untuk kerja-kerja yang melibatkan sawah, yang bersangkutan dengannya dan juga turut berkepentingan ketika musim menuai.<sup>25</sup> Hal yang menyokong hujah ini adalah kerana harga kerbau akan melambung tinggi apabila tiba musim membajak sawah. Ini bermakna penggunaan kerbau sebagai alat pengangkutan sangat penting. Dalam pada menggunakan khidmat kerbau untuk membajak sawah masyarakat Melayu silam yang kehidupan sehariannya bergantung dengan kegiatan bersawah turut menggunakan kerbau bagi mengangkut baja untuk ditabur ke atas bahagian sawah terbabit.

Meskipun kemajuan teknologi telah tercetus dan membolehkan beberapa kawasan di Barat menggunakan khidmat jentera pembajak sawah, namun kehidupan masyarakat Melayu tradisi masih mengekalkan penggunaan tenaga haiwan terutama di kawasan yang masih kurang pendedahan tentang teknologi. Sehubungan dengan itu, kerbau masih dianggap mempunyai kuasa tenaga dalam pertanian kerana selain hal-hal membajak sawah dan mengangkut baja, kerbau turut digunakan untuk alat pengangkutan menarik padi selepas usai urusan menuai padi. Padi yang diangkut oleh kerbau ini akan dibawa kepada tauke-tauke Cina yang sedang menunggu dengan lori di jalan raya.<sup>26</sup> Peranan kerbau sebagai alat pengangkutan sedikit berbeza semasa musim menuai padi, kerana kerbau ketika itu lebih dominan peranannya untuk mengangkut padi yang telah siap di isikan ke dalam guni-guni. Padi yang siap di isi ini akan diangkat oleh kerbau

dengan cara diletakkan di atas anur (atau dikenali juga sebagai anok),<sup>27</sup> seterusnya anur akan ditarik oleh kerbau tersebut. Selain mengangkut padi dengan menggunakan anur tersebut, kerbau juga digunakan untuk mengasingkan padi dari jerami dengan cara kerbau tersebut berjalan memijak ke atas padi yang baru dipotong.<sup>28</sup>

Penggunaan kerbau untuk tujuan pertanian oleh masyarakat Melayu ini perlu diurus secara teratur. Para petani seharusnya tidak lupa bahawa mereka perlu mengikuti beberapa garis panduan atau peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat setempat. Misalnya sekiranya kerbau yang berkhidmat untuk tujuan pertanian telah masuki kawasan sawah padi pada waktu malam dan seterusnya merosakkan tanaman, maka pemilik kerbau tersebut harus bertanggungjawab atas segala kerosakan dan kerugian petani tersebut.<sup>29</sup> Turut dicatatkan dalam undang-undang tersebut, kerbau tidak dibenarkan melintasi atau menyeberangi jalan tanpa diawasi oleh pengawalnya. (Sekiranya ingin melintas jalan, kerbau perlu dikawal dengan ditarik oleh pemiliknya dengan menggunakan tali yang diikat pada gegelang yang tergantung di hidung kerbau).<sup>30</sup> Penjagaan yang rapi terhadap kerbau oleh masyarakat Melayu mencerminkan wujud hubungan antara keduanya, terjalin dalam satu ruang lingkup yang cukup erat demi kepentingan bersama.

Meskipun telah kerap dijelaskan kerbau banyak memainkan peranan sebagai medium pengangkutan di sawah dan bendang, namun tidak harus dilupakan kerbau juga pernah dijadikan haiwan yang bertanggungjawab untuk menarik kayu balak yang banyak terdapat di tepi-tepi sungai khasnya di kawasan utara dalam masyarakat Melayu terutama di Kota Star.<sup>31</sup> Dalam situasi yang lain pula, terdapat beberapa kawasan di Kota Star yang tidak mudah untuk mendapatkan bekalan air menyebabkan khidmat kerbau amat diperlukan terutama dalam usaha untuk mengangkut air bersih bagi kegunaan masyarakat tempatan. Sementara itu, pada musim kemarau apabila perigi-perigi kering, sekali lagi khidmat kerbau sangat diperlukan bertujuan untuk mengangkut air dari jalan besar ke kawasan rumah masyarakat Melayu. Meskipun telah disediakan kemudahan lori untuk mengangkut air yang diperlukan, namun mana mungkin lori yang disediakan mampu untuk memasuki kawasan yang tiada kemudahan infrastruktur seperti jalan raya yang sempurna serta sistematik. Selain digunakan untuk pertanian dan mengangkut kayu balak, kerbau juga satu ketika pernah digunakan bagi tujuan kesukanan terutama bagi sukan laga kerbau. Namun

begitu kegiatan tersebut telah diharamkan kerana dalam sukan tersebut terdapat pertaruhan yang bersifat perjudian, di mana perjudian merupakan satu perkara yang diharamkan dalam agama Islam.<sup>32</sup> Keperluan domestik masyarakat Melayu dalam mentadbir urus kehidupan terutama berkaitan pertanian memerlukan medium pengangkutan. Oleh kerana itu, tenaga kerbau sangat diperlukan kerana haiwan ini mempunyai kemampuan membawa muatan yang berat. Jelas di sini pelbagai urusan mampu dilakukan oleh kerbau samada bersangkutan dengan ekonomi masyarakat Melayu mahupun untuk memenuhi keperluan penduduk. Secara umumnya bolehlah disimpulkan bahawa petani Melayu tradisi sangat berhubung (asosiasi) dengan kerbau dalam menjalankan aktiviti kehidupan seharian mereka. Kerbau bagi masyarakat Melayu silam adalah punca bagi kehidupan dan sangat berkait rapat dengan pertanian.

#### KUDA SEBAGAI MEDIUM PENGANGKUTAN DALAM MASYARAKAT MELAYU TRADISI

Kuda merupakan satu-satunya haiwan yang mempunyai keistimewaan terutama daripada sudut ketangkasan dan pergerakan. Kuda bukanlah haiwan yang berasal dari Tanah Melayu, sebaliknya kuda mula digunakan di Jawa pada kurun ke-7 apabila kuda dari Mongolia mula dibawa masuk dari China, Burma dan India.<sup>33</sup> Mengikut sejarahnya, di bahagian Kepulauan Sumatera turut menjadikan kuda sebagai salah satu haiwan yang penting dalam kehidupan masyarakat mereka ekoran kewujudan tanah lapang dan padang rumput yang sesuai serta membolehkan mereka menternak kuda.<sup>34</sup> Dalam konteks sejarah Islam, kuda turut mempunyai kepentingan yang sangat jelas kerana Rasulullah SAW sangat menyukai kuda dan menjadikan kuda sebagai haiwan kesayangan baginda. Menelusuri sejarah peringkat kemasukan kuda di Tanah Melayu adalah melalui beberapa buah tempat yang berdekatan, misalnya seperti di Jawa. Ekoran dari kemasukan kuda ke Tanah Melayu, telah meletakkan kuda sebaris dengan haiwan-haiwan lain yang sangat berkepentingan dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Berikutan kepentingan yang dipikul oleh kuda dalam masyarakat di Tanah Melayu, maka sejak kurun ke-15 lagi kuda telah digunakan terutama bertujuan untuk peperangan.

Dalam membincangkan tentang kuda sebagai medium pengangkutan di Tanah Melayu, maka perlu untuk mengambil kira pelbagai episod

berkaitan yang pernah mewarnai latar masyarakat Melayu. Pengkajian ini turut merangkumi peristiwa samada yang bersifat sejarah ataupun mitos yang turut digarap dalam bentuk naratif oleh pengarang terdahulu. Oleh itu, bagi melihat lebih lanjut peranan kuda dalam medium pengangkutan masyarakat silam, adalah lebih baik mengambil kira peranan kuda yang bersumberkan kepada sudut pandang pengarang *Sejarah Melayu*. Naskhah tersebut lebih cenderung memerihalkan berkaitan kuda yang dikaitkan dengan peristiwa Raja Suran masuk ke dalam ke dalam laut dengan menggunakan peti besi, telah bergerak pergi menuju ke sebuah negeri yang bernama Dika, baginda mendiami di negeri tersebut selama 3 tahun. Kemudiannya baginda telah dihantar semula ke atas dunia dengan menggunakan khidmat kuda semberani jantan yang bernama Farasu'l Bahr.<sup>35</sup>

Dalam Kerajaan Melayu Melaka, perkhidmatan kuda digunakan dalam medium pengangkutan, terutama berkait dengan perihal peperangan. Misalnya dalam peperangan yang melibatkan antara Kerajaan Melaka dengan Kerajaan Pasai di mana kedua-dua kerajaan tersebut telah menggunakan kuda sebagai alat penting untuk sama-sama berperang. Peperangan yang menggunakan kuda sebagai alat pengangkutan ini menggambarkan bahawa kuda telah digunakan sebelum kemasukan kuasa kolonial ke Tanah Melayu lagi. Menelusuri kepentingan kuda ini, didapati kuda peranannya bukan hanya untuk tujuan peperangan, malah turut menjadi haiwan peliharaan diraja. Misalnya ketika pemerintah Sultan Mansur Shah, baginda turut memiliki kuda persendirian yang digunakan sebagai tunggangan. *Sejarah Melayu* pernah memerihalkan kuda kesayangan baginda pernah terjun ke dalam perigi, namun telah diselamatkan oleh Hang Tuah.<sup>36</sup>

Kuda turut digunakan sebagai pengangkutan oleh masyarakat Melayu sebelum kemasukan kuasa kolonial, telah dijadikan sebagai medium pengangkutan utama bagi kegunaan sultan-sultan dan pegawai istana. Tradisi masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggambarkan bahawa individu yang memelihara kuda mempunyai kedudukan dan status yang tinggi. Misalnya dapat dilihat dalam sejarah Sultan Perak memiliki sepasukan tentera berkuda yang hebat, begitu juga hal nya Sultan Johor iaitu Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim mempunyai kuda handal yang digunakan perkhidmatannya dalam medium pengangkutan bertujuan untuk pertunjukan dan perlumbaan kuda.<sup>37</sup> Kuda pernah suatu masa, setelah kemasukan kuasa kolonial menjadi barang dagangan. Terdapat

catatan yang menyebut kuda dijadikan barang dagangan bagi mengukuhkan ekonomi di Tanah Melayu ketika itu. Ekoran daripada perdagangan kuda yang diwujudkan ini, maka pelabuhan Pulau Pinang diwujudkan seterusnya meningkatkan permintaan terhadap kuda-kuda dari luar negara. Namun begitu, terdapat laporan yang mencatatkan pada tahun 1896, berlaku penurunan bagi kegiatan import dan eksport di Pulau Pinang.<sup>38</sup> Sementara itu, bagi pedagang Arab yang telah datang ke Tanah Melayu menjadikan kuda sebagai komoditi yang penting kepada mereka. Satu hal yang menarik tentang kemasukan pedagang Arab ini adalah turut membawa bersama kuda ke Tanah Melayu bagi kegunaan di pelabuhan untuk ditunggangi.<sup>39</sup>

Masyarakat Melayu seperti juga masyarakat dari sebilangan tamadun bangsa lain mengeksplorasi penggunaan kuda dalam kehidupan bermasyarakat. Setelah berakhirnya Perang Dunia ke-II penggunaan kuda dilihat kian merosot dalam dunia pertempuran, namun masih digunakan secara meluas bertujuan untuk pengangkutan tentera juga untuk persediaan peperangan. Masyarakat Melayu turut membiasakan kehidupan sehari-hari mereka dengan menggunakan khidmat kuda dalam pengangkutan, lebih-lebih lagi apabila kuda digunakan untuk mengangkut muatan yang berat. Satu keistimewaan kuda yang memudahkan urusan pengangkutan ialah mampu memikul muatan sekitar 30% daripada berat badan sendiri.<sup>40</sup> Selain pelbagai peranan yang dilakukan kuda sebagai medium pengangkutan seperti yang dinyatakan, satu hal yang tidak kurang menarik berkaitan kuda adalah digunakan sebagai haiwan yang bertanggungjawab membawa surat-surat kerajaan. Tradisi membawa surat dengan menggunakan kuda lebih jelas dapat dilihat ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka yang menjalankan hubungan dengan pelbagai kerajaan lain. Tradisi menggunakan kuda tersebut, bergantung kepada kerajaan yang menghantar surat, sekiranya kedudukannya lebih rendah dari Kerajaan Melaka, maka akan diarak dengan menggunakan kuda, kemudiannya kuda tersebut tidak dibenarkan masuk ke dalam istana (inner gate) sebaliknya akan berhenti setakat di luar kawasan istana sahaja. Keistimewaan yang dimiliki oleh kuda merupakan aset penting kepada masyarakat Melayu pada masa itu. Kuda memainkan peranan yang sangat besar dan memberi kelebihan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Melayu sebagai medium pengangkutan juga berperanan besar semasa berlakunya peperangan.

## KESIMPULAN

Jika diselidiki secara mendalam dengan menumpukan kepada perkembangan masa, ternyata hubungan dan kerjasama yang terjalin antara masyarakat Melayu dengan ketiga-tiga haiwan yang dinyatakan ini mampu memperlihatkan pelbagai peranan yang ditonjolkan oleh haiwan berkenaan. Dalam tradisi masyarakat Melayu pula, mereka meletakkan kepentingan haiwan dalam memenuhi keperluan hidup mereka kerana didorong oleh kekurangan pelbagai kemudahan infrastruktur samada yang membabitkan keperluan untuk pengangkutan, bagi tujuan ekonomi, mahupun berkaitan politik dan untuk kegunaan kegiatan sosial mereka. Sehubungan dengan itu, dapat dilihat gajah, kerbau dan kuda menjadi pemangkin kepada kelangsungan serta kemudahan untuk masyarakat Melayu meneruskan kehidupan dari pelbagai aspek. Jelas sekali di sini, haiwan-haiwan ini sangat penting untuk kelangsungan kehidupan terutamanya kepada masyarakat tradisi.

## NOTA

- <sup>1</sup> Muhammad Haji Salleh (Pengkaji). 2009. *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm.57
- <sup>2</sup> Ahmad Fauzi Mohd Basri. 1992. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 15
- <sup>3</sup> Ibid
- <sup>4</sup> Ahmad Jelani Harun. 2011. *Umpama Sebuah Bahtera, Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur : Arkib Negara Malaysia. Hlm.211
- <sup>5</sup> Visual berbentuk gambar dalam Rekod-rekod Persekutuan ditemui di Arkib Negara Malaysia, bertajuk ‘Skuad Terbang’ Polis Tempatan dengan Kerbaunya Pada awal tahun 1700-an.
- <sup>6</sup> Marzila binti Muhamad Zakariya. ‘Lumba Kuda di Tanah Melayu, 1840-an hingga 1940-an’. Academic exercise (B.A.) Universiti Malaya. 2011/2012. Hlm. 21. (Belum diterbitkan)
- <sup>7</sup> H.A.R Gibb (Tra.). 1983. *Ibn Batuta. Travels in Asia and Africa*, London: Darf Publication. Hlm. 277
- <sup>8</sup> Ibid.
- <sup>9</sup> Azharudin Mohd Dali. 2012 “Gajah Dalam Sosio-Ekonomi Tanah Melayu Sebelum Merdeka” Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali dan Zuliskandar Ramli. *Panji Pendeta*. Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Kuala Lumpur. Hlm 543
- <sup>10</sup> MS Raffles No. 18 translated by C.c Brown. 2009. *Malay Annals*. MBRAS (Reprint 28). Hlm. 62.
- <sup>11</sup> Mohd Taib Osman (Peny.). 2004. *Hikayat Seri Kelantan*. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 34
- <sup>12</sup> Azharudin Mohd Dali 2012 “Gajah Dalam Sosio-Ekonomi Tanah Melayu Sebelum Merdeka” Dlm. Abdullah Zakaria

- <sup>13</sup> Ghazali dan Zuliskandar Ramli, *Panji Pendeta*. Hlm 541  
MS Raffles No. 18 translated by C.C. Brown., *Malay Annals*. Hlm. 38.
- <sup>14</sup> Ibid., hlm. 70.
- <sup>15</sup> Muhammad Hassan Muhammad Arshad, Dato' Kerani. 1988. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 163
- <sup>16</sup> Ibid.
- <sup>17</sup> Isabella Bird.2010.*The Golden Chersonese*. Singapore: Monsoonbooks. Hlm. 311
- <sup>18</sup> Mohd Zamperi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm.31.
- <sup>19</sup> Ibid. hlm. 33
- <sup>20</sup> Peristiwa ini melibatkan Ngah Ibrahim di mana gajahnya telah menjumpai bijih timah di Larut. Dikatakan gajah peliharaan Ngah Ibrahim telah terlepas ke dalam hutan, setelah pulang didapati badannya dipenuhi dengan lumpur hitam bercampur timah. Apabila Ngah Ibrahim ditelusuri semula lokasi lumpur hitam itu, maka tempat tersebut lah yang menjadi permulaan kegiatan perlombongan bijih timah iaitu di Larut sehingga menjadikan Ngah Ibrahim seorang pedagang dan hartawan bijih yang kaya-raya. Huraian lanjut, sila rujuk Jelani Harun, 2011. *Umpama Sebuah Bahtera, Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. Hlm. 218
- <sup>21</sup> John Turnbull Thompson.1971. *Glimses Into Life in Malayan Lands*, Kula Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 189.
- <sup>22</sup> H.C.O. No. CH: SEC: 2219/1915, Export Duty on Elephant for the State of Perak to be Raised to 20%.
- <sup>23</sup> Ahmad Jelani Harun, 2011. *Umpama Sebuah Bahtera, Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Hlm. 217
- <sup>24</sup> Mohd. Zain bin Din. 1966. ‘Peranan Kerbau dalam Masharakat Di-daerah Kota Star, Kedah’. Academic exercise (B.A.), University of Malaya. (belum diterbitkan). Hlm. 29
- <sup>25</sup> Ibid..
- <sup>26</sup> Ibid.
- <sup>27</sup> <http://www.memori-kedah.com/> di akses pada 9/4/2014.
- <sup>28</sup> Ibid.
- <sup>29</sup> Pahang Laws, 31st Dec 1889- 8th Jan 1900, hlm. 49
- <sup>30</sup> Ibid.
- <sup>31</sup> Mohd. Zain bin Din. 1966. ‘Peranan Kerbau dalam Masharakat Di-daerah Kota Star, Kedah’. Hlm. 31
- <sup>32</sup> Ibid. hlm. 46.
- <sup>33</sup> Pertunjukan Menunggang Kuda 18 September 1963. Arkib Negara Malaysia, hlm. 4 (semak semula di arkib nanti)
- <sup>34</sup> Marzila binti Muhamad Zakariya.‘Lumba Kuda di Tanah Melayu, 1840-an hingga 1940-an’. Hlm. 22 (Belum diterbitkan)
- <sup>35</sup> Abdullah bin Abdul Kadir Munysi. 1952. Diselenggarakan oleh T. D. Situmorong & Prof Dr. A. Teeuw. *Sedjarah Melaju/ Amsterdam*. Djakarta: Penerbit Djambatan. Hlm 19.
- <sup>36</sup> Ibid. Hlm.136.
- <sup>37</sup> Marzila binti Muhamad Zakariya. Lumba Kuda di Tanah Melayu, 1840-an hingga 1940-an. Hlm. 23. (Belum diterbitkan)
- <sup>38</sup> *Annual Reports of the Straits Settlement 1855-1941*, vol. 2: 1868-1883.
- <sup>39</sup> Marzila binti Muhamad Zakariya. Lumba Kuda di Tanah Melayu, 1840-an hingga 1940-an. Hlm. 23. (Belum diterbitkan)
- <sup>40</sup> Ibid.

## RUJUKAN

- Abdullah bin Abdul Kadir Munysi. 1952. *Sedjarah Melaju/ Amsterdam*, disunting oleh T. D. Situmorong & Prof Dr. A. Teeuw. Djakarta: Penerbit Djambatan.
- Ahmad Fauzi Mohd Basri. 1992. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Jelani Harun. 2011. *Umpama Sebuah Bahtera, Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur : Arkib Negara Malaysia.
- Azharudin Mohd Dali. 2012 “Gajah dalam sosio-ekonomi Tanah Melayu sebelum merdeka” Dlm. *Panji Pendeta*, disunting oleh Abdulllah Zakaria Ghazali dan Zuliskandar Ramli. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Bird, I. 2010. *The Golden Chersonese*. Singapore: Monsoonbooks.
- H.A.R. Gibb (Tra.). 1983. *Ibn Batuta, travels in Asia and Africa*. London: Darf Publication.
- Marzila binti Muhamad Zakariya.‘Lumba kuda di Tanah Melayu, 1840-an hingga 1940-an’. Academic exercise (B.A.) Universiti Malaya. 2011/2012. (Belum Diterbitkan)
- Mohd. Kasri Saidon. 2010. Tinjauan ke laluan lama Kedah: Siam zaman kesultanan silam. Dlm. *Isu-isu Terpilih dalam Sejarah Politik dan Perjuangan: Sumbangsih kepada Profesor Madya Dr. Mohd Isa Othman*, disunting oleh Ishak Saat & Mohd. Akbal Abdullah. Johor: Penerbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Taib Osman (sunt.). 2004. *Hikayat Seri Kelantan*. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zain bin Din. 1966. Peranan kerbau dalam masharakat di-daerah Kota Star, Kedah. Academic exercise (B.A.), University of Malaya.
- Mohd Zamperi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh. 2009. *Sulalat al-Salatin ya ’ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hassan Muhammad Arshad, Dato’ Kerani. 1988. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thompson, J.T. 1971. *Glimses Into Life in Malayan Lands*. Kula Lumpur: Oxford University Press.
- <http://www.memori-kedah.com>

LAMPIRAN 1



RAJAH 1. Lakaran menunjukkan kerbau ketika menarik guni padi dengan menggunakan anor (atau dikenali juga sebagai anak)

Sumber: [www.memori-kedah.com](http://www.memori-kedah.com)

LAMPIRAN 2




FOTO 2. Pasukan Indian Body Guards, Kuala Lumpur yang menggunakan kuda dalam operasi keselamatan mereka, sekitar tahun 1910.

Sumber: Cheah, Jin Seng. *Early Malay Postcard*, 2008.




FOTO 1. ‘Skuad Terbang’ Polis Tempatan dengan Kerbaunya pada tahun 1700-an

Sumber: Arkib Negara Malaysia




FOTO 3. Gambar menunjukkan bijih timah diangkut dengan menggunakan gajah

Sumber: Arkib Negara Malaysia

*Nurul Izzati Md. Mustafa*

*Jabatan Sejarah*

*Fakulti Sains Kemanusiaan*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA.*

E-mail: izzaticumey@yahoo.com

*Adnan Jusoh, Ph.D.*

*Pensyarah*

*Jabatan Sejarah*

*Fakulti Sains Kemanusiaan*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA.*

*Khairi Arrifin*

*Nabir Abdullah, Ph.D.*

*Jabatan Sejarah*

*Fakulti Sains Kemanusiaan*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA.*

*Mohd. Kamal Kamaruddin*

*Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA.*

